

FPP BizNewz

Jan - May 2023

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

BUKIT MERAH
"THE RED FOREST"
PERMATA TERSEMBUNYI DI JERANTUT

TOXIC FRIENDSHIP
WHEN IT'S TIME TO LET GO

GRADUATES
WHO ARE THE URBAN POOR

ARROWS OF THE FAITHFUL
THE IMPORTANCE OF ARCHERY IN ISLAM

**TWIN-TO-TWIN TRANSFUSION
SYNDROME (TTTS)**



Publication Date
1 June 2023

CIKGU OMA ALI: PENGASAS TEKNIK BBMA

Cikgu Oma Ali

PENGASAS TEKNIK BBMA



Pengenalan

Oma bin Ali, atau lebih mesra disapa dengan panggilan Cikgu Oma Ally, merupakan seorang trader yang tidak asing lagi dalam dunia trading. Beliau mempunyai pengalaman selama 30 tahun dalam bidang kewangan dan pelaburan di mana beliau telah mula berkecimpung dalam pasaran kewangan sekitar hujung tahun 80-an dan menjadi ahli Malaysian Association of Technical Analysts (MATA).

Sebagai seorang trader yang berpengalaman luas, beliau telah berjaya mengasaskan teknik trading berdasarkan Technical Analysis (analisa teknikal), iaitu sebuah teknik yang boleh diguna pakai untuk

Oleh:
NUR SYIKRI HARUN¹, MOHD NAZRUL SIDEK²,
MOHAMAD YUSOF MAT ZAIN², & RAJA MOHD
NOORHAFIZI RAJA DAUD²
¹Akademi Pengajian Bahasa
²Fakulti Kejuruteraan Elektrik
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu
Emel koresponden: nursyikri@uitm.edu.my

membuat keputusan pelaburan menggunakan pelbagai jenis instrument atau aset kewangan seperti saham dan indeks, matawang asing, kripto, metal, pasaran hadapan, bon, dan lain-lain.

Teknik ini dinamakan BBMA, iaitu gabungan dua buah indikator utama, iaitu Bollinger Bands dan Moving Average, untuk membaca pergerakan candlestick atau harga pasaran. Teknik ini sangat popular dalam kalangan trader nusantara, iaitu dari Malaysia, Indonesia, Brunei, dan Singapura. Cikgu Oma Ally telah mengasaskan teknik dan strategi trading tersebut sejak tahun 2010. Usaha beliau ini telah banyak membantu ramai trader, tidak kira apa bangsa sekalipun, yang terlibat dalam pelaburan menggunakan pelbagai jenis instrumen.

Beliau seringkali menggunakan tagline

menarik dalam kelas-kelas trading anjurannya, antaranya '1 Rumah 1 ATM' dan 'One Step Ahead'. Ini berikutan ramai orang yang mempunyai aspirasi untuk mendapatkan kehidupan yang lebih baik melalui aktiviti pelaburan. Untuk mencapai objektif tersebut, pendidikan dalam bidang trading dan pelaburan mestilah diterjemahkan secara khusus melalui penganjuran seminar dan kelas percuma atau berbayar.

Bursa Malaysia.

Teknik BBMA ini telah dipatenkan sebagai sebuah teknik yang diasaskan oleh Cikgu Oma Ally bersama co-founder Cikgu Roohi Adnan, di bawah hakcipta BBMA Team@ (menurut Trade Marks Act 1976 dan Trade Marks Regulations 1977) yang telah didaftarkan sebagai sebuah syarikat di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).



Diagram 1 – Penggunaan Bollinger Bands dan Moving Averages dalam Teknik BBMA

Selain mengajar kelas-kelas trading untuk retail traders tempatan mahupun luar negara, Cikgu Oma Ally juga menawarkan perkhidmatan sebagai Technical Analyst dan Financial Consultant kepada bank-bank pelaburan seperti Maybank Investment Bank (Malaysia) dan agensi-agensi kerajaan seperti Tabung Haji (TH) dan lain-lain. Beliau juga banyak membantu mengembangkan bakat dan kemahiran ramai ejen syarikat broker saham (Remisers) dalam bidang teknikal berkaitan pelaburan saham dan memahami produk-produk yang ditawarkan dalam

Penggunaan Multi Time Frame (MTF) Penggunaan indikator-indikator seperti di atas perlu dijalinan dengan penggunaan kaedah Multi Time Frame (MTF) yang juga menjadi asas utama dalam memahami Teknik BBMA. Terdapat banyak Time Frame (jangka masa) yang boleh digunakan oleh trader seperti Monthly (MN), Weekly (W1), Four Hours (H4), One Hour (H1), Fifteen Minutes (M15), Five Minutes (M5), dan One Minute (M1). Untuk menggunakan kaedah MTF, trader tidak boleh menggunakan jangka masa sesuka hati mereka untuk membuat analisa pasaran. Sebaliknya, mereka perlulah menggunakan susunan Time Frame tertentu yang telah ditetapkan seperti berikut:

- MN / W1 / D1
- W1/ D1 / H4
- D1 / H4/ H1
- H4 / H1 / M15
- H1 / M15 / M5
- M15 / M5 / M1



Diagram 2 – BBMA Structure dalam Teknik BBMA



Diagram 3 – Penggunaan Kaedah Multi Time Frame (MTF) dalam Teknik BBMA

Tahap Kelas Teknik BBMA Untuk mempelajari Teknik BBMA ini, terdapat tiga (3) peringkat kelas yang perlu diikuti demi mendapatkan pemahaman yang jitu. Oleh itu, Team BBMA@ menganjurkan kelas Basic BBMA, Intermediate BBMA, dan Advanced BBMA secara berperingkat. Kelas-kelas asas Teknik BBMA ini biasanya diadakan setiap tahun dengan kadar yuran tertentu. Untuk mara ke kelas atau peringkat seterusnya (Intermediate dan Advanced Levels), pelajar-pelajar BBMA perlulah menguasai kesemua fungsi Basic BBMA dan mengasah ilmu yang dipelajari terlebih dahulu dalam dunia trading.

Multiple-Layer Entries Selain Teknik BBMA yang telah menjadikan Cikgu Oma Ally seorang guru

trading yang popular, beliau juga terkenal dengan Multiple-Layer Entries. Sebelum ini, kebiasaannya trader hanya buy atau sell dengan jumlah lot tertentu, sebagai contoh '1 layer per lot'. Namun, beliau telah memperkenalkan Multiple-Layer Entries, iaitu memasukkan sejumlah entry Buy atau Sell yang

kekuatan trend di Time Frame lebih besar dan validation tertentu di Time Frame kecil menurut disiplin Teknik BBMA menggunakan Sharp Entry Point.

Penglibatan di Peringkat Antarabangsa Selain mengadakan kelas Teknik BBMA di Malaysia, Cikgu Oma Ally juga aktif



Diagram 4 – Multiple-Layer Entries Menggunakan Teknik BBMA

dikenali sebagai lapisan 'Kek Sarawak'. Multiple-Layer Entries ini boleh dilakukan dengan mengenal pasti

mengikuti perkembangan dalam bidang trading dengan menjadi tetamu jemputan dalam program

anjuran International Federation of Technical Analysts (IFTA), Free Trade Area of the Americas (FTAA), dan World Islamic Financial Centre. Beliau juga telah dijemput oleh Marketing Departments of Financial Institutions untuk menyampaikan ucapan di China dengan membawa visi dan misi BBMA sebagai wadah dalam bidang trading. Selain mengajar kelas BBMA pelbagai peringkat di Malaysia, beliau juga aktif menganjurkan kelas trading di Asia Tenggara, khususnya di Indonesia, Singapura, dan Brunei.

Kesimpulan

Sebagai penutup, Cikgu Oma Ally telah terbukti banyak berjasa dalam melahirkan ramai trader bergelar jutawan dalam bidang pelaburan di dalam dan luar negara. Namun, untuk menguasai bidang pelaburan, tidak kira menggunakan apa instrumen sekalipun, penguasaan ilmu, disiplin, dan psikologi yang tinggi amat diperlukan. Memahami fungsi kesemua garisan dalam Teknik BBMA ini adalah merupakan satu kepastian agar keputusan trading yang diambil itu tepat. Ini supaya wang yang dilaburkan itu dapat berkembang seperti yang diimpikan. Selain itu, aktiviti pelaburan yang dijalankan diharapkan agar dapat meningkatkan lagi peluang pendapatan seterusnya menjana ekonomi negara tercinta.

Rujukan:

Inbizia (Januari 24, 2018). Panduan dasar indikator BBMA OA dan cara menggunakannya. Dipetik daripada <https://www.inbizia.com/panduan-dasar-indikator-bbma-oa-dan-cara-menggunakannya-281966>

Mario Singh (Disember 12, 2019). Fullerton Market Partner Interview. Dipetik daripada



BizNewz 2023
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com